

KESAN KEINDAHAN UNSUR FANTASI DALAM SYAIR *BONGSU PINANG PERIBUT DAN SUSU GANDA (SBPPSG) DAN CHERITA BONGSU PINANG PERIBUT (CBPP)*
THE EFFECTS OF AESTHETIC FANTASY ELEMENTS IN SYAIR OF BONGSU PINANG PERIBUT AND SUSU GANDA (SBPPSG) AND CHERITA BONGSU PINANG PERIBUT (CBPP)

Nor Huda Ahmad Razali & Bazrul Bahaman*

Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Perak, Malaysia.

*nurilhuda_081886@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kajian ini membandingkan aspek kesan keindahan dalam *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Susu Ganda (SBPPSG)* dengan *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)* menerusi unsur fantasi. Teks lipur lara sememangnya terkenal dalam masyarakat Melayu tradisional kerana ia merupakan wadah hiburan utama yang dapat menguraikan tekanan emosi dan melegakan nafsu haiwani mereka. Atas kesedaran mengenai sifat 'luar biasa', 'ajaib' dan 'gharib' dalam teks lipur lara mampu berfungsi memanjangkan imaginasi khalayak, maka unsur-unsur tersebut dieksploitasi penglipur lara dengan sebaik mungkin dalam karyanya. Tujuannya adalah bagi menonjolkan keindahan yang dapat memberi kesan keindahan kepada khalayak sesuai dengan fungsi lipur lara, iaitu untuk menghibur hati. Paparan aspek keindahan ini jelas memperlihatkan kekreatifan dan kebijaksanaan para penglipur lara dalam menyampaikan hiburan kepada khalayak. Justeru, aspek kesan keindahan ini dikupas melalui Sfera Keindahan yang dikemukakan

oleh V.I Braginsky. Dapatan kajian menjelaskan bahawa unsur fantasi merupakan salah satu unsur yang membina teks lipur lara. Dapatan tersebut kemudiannya membuktikan bahawa kesan keindahan ini diperoleh melalui perbandingan unsur fantasi antara kedua-dua teks yang akhirnya berupaya menentukan teks manakah yang lebih indah. Seterusnya, Sfera Keindahan ini dilihat sebagai suatu pendekatan yang tepat untuk diaplikasikan terhadap teks tradisional, lebih-lebih lagi teks lipur lara kerana ia sememangnya sarat dengan deskripsi keindahan.

Kata kunci: fantasi, lipur lara, hiburan, kesan keindahan, sfera keindahan

ABSTRACT

This study compares the effects of beauty in Syair Bongsu Pinang Peribut dan Susu Ganda (SBPPSG) with Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP) through the elements of fantasy. Malay folktales are famously well known in Malay traditions because they are the main form of entertainment which can help to release stress as well as restrains animalistic lusts. Due to the awareness about the traits of 'extraordinary', 'miracle' and 'rare' in Malay folktales, they could function to extend the people's imagination; those elements are excellently exploited by the narrator in his literary piece. The purpose is to highlight the prominence of beauty which can affect the viewers' sense of beauty, as well as to entertain. This effect of beauty clearly exemplifies the creativity and wisdom of the narrator in entertaining the audience. The effect of beauty insinuated in this research was explained through the Sphere of Beauty which was coined by V.I Braginsky. The results obtained show that the element of fantasy is one of the elements that develops the folktales. The result also proves that this effect of beauty can be obtained through the comparison of the elements of fantasy between the two texts which can then determine which text is more aesthetically superior. Furthermore, this Sphere of Beauty can be seen as an accurate approach to be applied in traditional texts, especially the folktales

because it is undeniably full of explanations emphasising the elements of beauty.

Keywords: fantasy, folktales, entertainment, the effect of beauty, the sphere of beauty

PENGENALAN

Cerita-cerita lipur lara sebenarnya berfungsi sebagai alat penghayatan sensual yang dapat memberi hiburan kepada khalayak. Fadzilah Amzah (2016, hlm. 3) menjelaskan bahawa cerita lipur lara dilahirkan dalam konteks masyarakat yang digelar para ahli antropologi sebagai *simple society*...". Bagi masyarakat tradisi, cerita lipur lara merupakan satu-satunya medium yang membolehkan mereka memperoleh hiburan kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur keindahan yang dapat melegakan tekanan emosi mereka. Hal ini kerana cerita lipur lara lazimnya berisi cerita-cerita ringan yang kaya fantasi dan hal-hal yang mempesonakan (Sudibyo, 1994, hlm. 58). Disebabkan cerita ini berkisar mengenai persoalan cinta dan keajaiban yang merupakan sebahagian daripada sfera keindahan (luaran) yang bertujuan menghibur hati, maka ciri-ciri puitikanya yang khusus sesuai dengan tugasnya itu. Bagi melegakan segala keresahan hati, masyarakat tradisi akan membawa diri mereka larut ke dalam cerita dan mula berfantasi seolah-olah mereka turut hadir dalam cerita. Justeru, unsur fantasi memainkan peranan penting dalam karya sastera kerana dapat memperkembang imaginasi, menajamkan minda dan menambahkan pengalaman daripada jangkauan akal. Joan Aiken (dalam Rohaya Md. Ali, 2013) menjelaskan bahawa "fantasi dapat memberikan harapan dan membolehkan kita melihat segala kemungkinan yang hebat dalam kehidupan".

Dalam konteks kajian ini, aspek keindahan diteliti melalui teks *SBPPSG* dan *CBPP*. *SBPPSG* merupakan sebuah syair bercorak cerita dari Negeri Pahang. Pada asalnya, naratif Bongsu Pinang Peribut ini merupakan salah sebuah sastera lisan yang disampaikan dalam bentuk prosa. Berdasarkan ciri-ciri cerita lisan, ia tergolong

dalam cerita lipur lara. Seterusnya, ia dibukukan hasil dari rakaman berdasarkan penuturan Encik Ahmad bin Hood pada bulan Disember 1962 dengan tajuk *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)*. Cerita ini seterusnya beralih kepada bentuk puisi, iaitu syair yang dikarang sendiri oleh Encik Ahmad bin Hood dengan mengekalkan ciri-ciri cerita lipur lara tersebut. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa teks *SBPPSG* merupakan syair bercorak cerita lipur lara disebabkan wujudnya kekreatifan pengarang yang bijak mengolah bentuk cerita tersebut kepada bentuk puisi.

Kajian dari aspek keindahan sebelum ini dilaksanakan oleh Fadzilah Amzah (1999) terhadap teks lipur lara, iaitu *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dan *Hikayat Malim Deman*. Objektif kajiannya adalah untuk meneliti dasar-dasar keindahan genre lipur lara dengan menjadikan Teori Keindahan V.I Braginsky sebagai landasan. Efrizal A.S (2012) pula melaksanakan kajian estetikanya terhadap 18 buah cerita rakyat di daerah Kuan-Sing, Riau. Dengan bersandarkan model V.I Braginsky, Muhammad Haji Salleh dan Sidi Gazalba, objektif kajiannya adalah memperlihatkan suatu penghayatan yang dapat memberi kepuasan dan pengalaman estetika yang sebenarnya dalam memperdengarkan dan melaksanakan pembacaan cerita rakyat Melayu Kuantan Riau yang masih bersifat lisan. Seterusnya, kajiannya yang menerapkan pendekatan didaktis oleh Moh. Taufiqul Hakim (2014) dilakukan terhadap teks *Hikayat Malim Deman (HMD)*. Kajiannya bertujuan menghuraikan unsur-unsur keindahan yang terkandung dalam teks *HMD* serta mengemukakan nilai-nilai yang dapat mempertingkatkan kehidupan rohaniah pembaca.

Memandangkan teks *SBPPSG* dan *CBPP* tidak pernah dilakukan penelitian, maka ia dilihat sebagai suatu perkara yang menarik untuk diteliti disebabkan bentuk cerita, iaitu dari prosa diolah kepada bentuk syair oleh penutur yang sama, Encik Ahmad bin Hood. Keadaan ini sememangnya berbeza dari kajian-kajian sebelum ini yang hanya membandingkan teks dari bentuk yang sama, sama ada perbandingan puisi atau perbandingan prosa. Manakala, kajian ini adalah untuk melihat perbandingan cerita yang sama dalam bentuk yang berbeza menerusi penutur yang sama.

PERMASALAHAN KAJIAN

Melihat kepada sifat lipur lara yang asas, ia dapat dianggap sebagai wacana fantasi atau disebut sebagai *fantasy discourse* oleh Schlobin (Fadzilah Amzah, 2016:58). Sebagai sebuah wacana fantasi, ia pastinya terkandung unsur-unsur luar biasa, ajaib, gharib dan seumpamanya. Oleh yang demikian, bagi memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa khalayak, unsur-unsur ini menjadi keutamaan pengarang dalam mewujudkan keindahan karya tersebut. Hal ini dijelaskan V.I Braginsky (1994) mengenai konsep keindahan, iaitu “Yang indah ialah sesuatu yang luar biasa iaitu sesuatu yang ‘hairan’, ‘ajaib’, ‘gharib’, ‘temasya’. Justeru, perkataan-perkataan inilah sering digunakan dalam hikayat klasik sebagai sinonim perkataan ‘indah’ ” (hlm. 2). Justeru, atas kesedaran mengenai keluarbiasaan dan sifat-sifat seumpamanya itu mampu berfungsi untuk memanjangkan imaginasi khalayak, maka unsur-unsur tersebut akan dieksploitasi penglipur lara dengan sebaik mungkin dalam karyanya. Dalam konteks kajian ini, memandangkan perbandingan dilakukan terhadap teks berbentuk puisi dan teks prosa, maka sewajarnya kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui teks manakah yang lebih memberi kesan keindahan kepada khalayak dengan melihat kepada unsur fantasi tersebut. Kajian mengenai unsur keindahan sememangnya telah banyak dilakukan terhadap cerita-cerita lipur lara, namun kajian perbandingan cerita yang sama antara teks puisi dengan teks prosa dari aspek kesan keindahan masih belum dilaksanakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang perlu difokuskan dalam kajian ini adalah menghuraikan aspek kesan keindahan luaran melalui unsur fantasi dalam teks *SBPPSG* dan *CBPP* berdasarkan pendekatan Sfera Keindahan V.I Braginsky.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang dipilih ialah kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Isi kandungan teks dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif dengan melihat kepada unsur fantasi yang terkandung di dalam teks serta membuat perbandingan antara kedua-duanya bagi melihat teks manakah yang lebih memberikan kesan keindahan. Kaedah kajian kepustakaan digunakan untuk memperoleh maklumat dari bahan-bahan rujukan yang terdiri daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang dirasakan relevan dengan bidang kajian. Kaedah ini turut digunakan untuk mengenal pasti pendekatan yang sesuai bagi melaksanakan kajian ini. Rujukan di perpustakaan turut dilakukan bagi memperkukuh kajian, terutamanya dengan meneliti kajian-kajian terdahulu yang berkait dengan kajian yang dilaksanakan. Kaedah analisis teks pula digunakan untuk menganalisis dan membuat tafsiran terhadap teks *SBPPSG* dan *CBPP* ini. Aspek kesan keindahan melalui unsur fantasi merupakan aspek kandungan teks yang dianalisis dengan menerapkan Sfera Keindahan.

Sfera Keindahan V.I Braginsky

Sfera keindahan menduduki tempat paling rendah dalam sistem sastera tradisi selain sfera rohani dan sfera faedah. Oleh itu, karya-karya dalam sfera keindahan dianggap sebagai karya yang paling rendah kedudukannya. Menurut V.I Braginsky (1994), “seorang pengarang berada di peringkat yang paling rendah sekiranya dia menghasilkan sebuah karya yang penuh keindahan (keindahan luaran) dan kerana itu mampu memulihkan harmoni perasaan dalam hati pembaca, dalam nafsu haiwaninya” (hlm. 48). Karya-karya yang terangkum dalam sfera ini ialah karya-karya yang bertujuan memberi keseimbangan jiwa dan keharmonian diri dari segala tekanan. Teknik penulisan dalam karya sfera keindahan ini lebih mengutamakan unsur-unsur deskripsi yang terperinci dan berulang-ulang kerana dapat mempengaruhi emosi pembaca atau pendengar. Kehadiran unsur sebegini dapat mencetuskan intipati

emosi yang lebih segar dan tulen. Dengan yang demikian, sasteranya sangat bersifat kedewasaan dan keduniaan kerana memfokuskan tujuan merangsang deria supaya tenggelam dalam keasyikan dan khayalan. Sesuai dengan pandangan Affandi Hassan (1992, hlm. 37) yang menyebutkan “seni peringkat terendah ini sebagai seni palsu atau batil”. Oleh kerana ia bersandarkan emosi dan nafsu, maka fungsi sasteranya juga adalah untuk menghibur, propaganda dan menyeronokkan sahaja.

V.I Braginsky (1994, hlm. 53) menyebutkan bahawa hikayat-hikayat cinta dan keajaiban misalnya *Hikayat Inderaputera*, *Hikayat Berma Syahdan*, *Hikayat Koris Mengindera* dan *Hikayat Syah Kobad* dilihat sebagai “semacam rangkaian karangan sastera dengan susunan dan pilihan motif yang serupa”. Selain itu, syair-syair cinta yang merupakan analogi hikayat ajaib dalam bentuk puisi turut tergolong dalam sfera keindahan (luaran), antaranya termasuklah *Syair Bidasari*, *Syair Selindang Delima* dan *Syair Yatim Nestapa*. Genre-genre ini menjalankan fungsinya untuk menghiburkan hati, baik melalui keindahan dalaman karya, iaitu isi cerita mahupun keindahan luaran, iaitu merujuk kepada penggunaan bahasa yang bersukat, berentak dan berirama.

Analisis Dan Perbincangan

Analisis dilakukan bertujuan melihat teks *SBPPSG* dan *CBPP* menerusi sistem sastera Melayu tradisional, iaitu Sfera Keindahan. Dengan demikian, kajian cuba menunjukkan bagaimana teks-teks ini memunculkan keindahan melalui unsur fantasi bagi menjayakan fungsinya yang umum sebagai alat melipur lara. Fungsi sebegini dijelaskan Ismail Hamid (1986, hlm. 67) sebagai “sarana pembebasan masyarakat Melayu pada waktu itu dari segala himpitan jiwa dan tekanan hidup”. Melalui analisis unsur fantasi ini, akan diperlihatkan sama ada teks syair ataupun teks berbentuk prosa yang lebih menonjol keindahannya. Perbandingan antara kedua-dua teks dilaksanakan memandangkan teks tersebut yang bersumberkan dari tradisi lisan dikarang dalam bentuk yang berlainan.

Keindahan teks lipur lara dalam kajian ini ditonjolkan melalui struktur isi cerita (dalamannya), yang dibataskan kepada unsur fantasi. Hal ini kerana khalayak seringkali diperdengarkan dengan sesuatu peristiwa atau keadaan yang dirasakan tidak logik atau tidak masuk akal dalam dunia sebenar ini, namun hal tersebut diizinkan dalam dunia sastera Melayu. Hal ini disebutkan Fadzilah Amzah (2016, hlm. 57) sebagaimana pernyataannya di bawah:

Ketersendirian hukum-hakam logik dan kewajaran dalam dunia sastera Melayu sememangnya mengizinkan, malah membiarkan teknik-teknik pemerian yang selalunya tidak masuk akal, juga bertentangan dengan hukum kebenaran dalam dunia sebenar ini.

Unsur Fantasi

Keindahan dalam teks lipur lara diperlihatkan dengan begitu meluas merangkumi pelbagai perkara, benda mahupun peristiwa-peristiwa luar biasa dan diperinci dengan baik bagi meninggalkan kesan keindahan terhadap khalayak. Gambaran sesuatu peristiwa, aksi dan rupa paras lazimnya diperinci dengan teliti untuk memperlihatkan sifat luar biasa itu berbanding dengan keadaan dunia sebenar.

Keelokan rupa paras dan pakaian

Salah satu sifat luar biasa yang dapat dilihat adalah mengenai keelokan rupa paras wira dan wirawatnya yang dikatakan sebagai tiada cacat celanya. Gambaran mengenai keindahan rupa paras salah satunya diperlihatkan melalui kecantikan PSG yang diperincikan pengarang sewaktu hendak menenangkan BPP yang sedang mengamuk akibat kemangkatan ayahandanya, Malim Sulaiman. Selain keelokan paras rupa, diperikan juga mengenai keindahan pakaian yang digambarkan sebagai luar biasa cantiknya. Misalnya dapat dilihat menerusi rangkap-rangkap di bawah:

Lalulah ia mengeluarkan kata
Kekandaku tuan emas juita
Jika kekanda mahu beserta
Hidup dan mati bersama kita
Berkain sarung sutera berkilat
Berbaju kasmir warna coklat
Rantainya emas intan berkilat
Rambutnya lebat bersiput bulat
Putih kuning kulitnya cerah
Disinar pakaian hijau dan merah
Bibirnya laksana kesumba dicurah
Tak dapat dicari di mana2 arah
Mukanya bujur sederhana sedang
Pinggangnya ramping dadanya bidang
Hidungnya mancung lehernya jinjang
Tiadalah jemu siapa-siapa memandang
Matanya hitam amat jernih
Keningnya berhalit sangatlah manis
Rambutnya panjang menutup betis
Siapa memandang susah beralih
Sudah memakai puteri yang syuhada
Memakai cincin pusaka ayahanda
Cincin tu zaman paduka nenda
Tok Malim Hitam sultan yang syuhada

(*SBPPSG*, Rangkap 461-468:47-48)

Pinang Peribut mendengarkan kata
Dilihatnya adinda cahayanya mata
Parasnya elok bagai dipeta
Baginda pun hairan tiada berkata
Telah dilihat tuan puteri
Diambilnya pedang hulu baiduri
Dibawanya pulang ke kota negeri
Tinggallah baginda hairankan diri

Berapa lama baginda tercengang
Melihat adinda sudahlah pulang
Puteri Rantai Mas wajah gemilang
Memujuk baginda berulang-ulang

(*SBPPSG*, Rangkap 474-476:48)

Perhatikan pula dalam peristiwa yang sama menerusi teks *CBPP* (1964:12-13) seperti berikut;

Kata Puteri Rantai Mas, “Kita harapkan Mak Bongsu-mu sahaja-lah. Baik-lah adinda memakai chantek².” Baginda pun mengeluarkan pakaian yang indah², dan Susu Ganda pun memakai-lah. Sa-telah siap memakai baginda pun berseru-lah,

“Kalau ia aku asal berasal,
Turun-temurun memerintah negeri,
Lembut-lah hati Raja Pinang Peribut itu”.

Baginda pun berjalan-lah diiringi Puteri Rantai Mas. Lama² berjumpa-lah dengan Pinang Peribut. Bongsu Pinang Peribut pun terchengang melihat tunang-nya datang.

Dapat dilihat dalam teks *CBPP* bahawa pendeskripsian mengenai keindahan rupa paras dan pakaian PSG tidak dinyatakan dengan teliti oleh pengarang. Atau lebih tepat lagi, pengarang tidak menyebutkan langsung mengenai keindahan paras rupa PSG sebagaimana yang terpapar dalam teks *SBPPSG*. Keindahan pakaian pula memang dinyatakan, tetapi hal itu hanyalah disebutkan secara umum. Khalayak sedia maklum bahawa watak yang diceritakan memiliki rupa paras menawan, tambahan pula memakai pakaian yang cantik-cantik diserikan pula dengan hiasan yang pelbagai. Namun, pengarang tidak menjelaskan dengan lebih lanjut bagaimana atau apakah yang dikatakan sebagai ‘indah-indah’ dan

'cantik-cantik' itu. Akan tetapi, khalayak tetap mengetahui bahawa watak wirawati yang disebutkan memiliki rupa paras yang 'elok' kerana dapat membuatkan watak wira, iaitu BPP tercengang atau hairan setelah melihatnya. Kesan keindahan sebegini juga dapat dilihat menerusi pernyataan V.I Braginsky (1998, hlm. 28-29), iaitu:

...keindahan juga boleh menimbulkan rasa terpicat, semacam berahi dalam jiwa orang yang merenungnya. Keindahan ini mampu membangkitkan rasa berahi pada sesiapa yang melihatnya sehingga boleh menimbulkan rasa cinta dalam jiwa. Rasa berahi itu melahirkan rasa hairan dalam hati.

Contoh lain yang dapat dilihat dalam teks *SBPPSG* adalah melalui peristiwa perkahwinan BPP dan PSG seperti berikut:

Eloknya paras baginda sultan
Mahkotanya emas permata intan
Seluar dan baju sangat berpatutan
Cermin hablur berkilat-kilatan
Adapun akan di dalam istana
Susu Ganda puteri mengerna
Dipakaikan Rantai Mas yang bijak laksana
Sikap majelis amat sempurna

Giginya putih seperti gebuang
Bibirnya merah kesumba dituang
Terkena mahkota gilang gemilang
Siapa melihat leka tercengang
Parasnya elok sudah sedia
Terkena pula pakaian yang mulia
Semakinlah lagi bertambah cahaya
Laksana bulan purnama raya

(*SBPPSG*, Rangkap 1670-1673:161)

Rangkap dalam syair di atas merupakan pemerian mengenai keelokan rupa paras BPP selain rupa paras PSG yang dikatakan memiliki wajah yang mampu melelekan sesiapa yang memandangi. Keelokan rupa paras itu ditambah pula dengan pemakaian yang disepadankan, serta dihiasi pula dengan pelbagai hiasan. Akan tetapi, pemerian mengenai keelokan rupa paras dan pakaian dalam episod perkahwinan mereka tidak disebutkan pengarang dalam teks *CBPP*. Kesan keindahan sebagaimana yang dikemukakan V.I Braginsky turut dijelaskan oleh Roslina Abu Bakar (2014, hlm. 31) yang menyatakan bahawa keindahan rupa paras ini "...berupaya membentuk emosi khalayak iaitu berasa kagum dan terpesona menerusi kecantikan yang digambarkan secara keterlaluan".

Latar dunia sekunder

Genre lipur lara sebagai wacana fantasi turut menggunakan latar dunia sekunder yang dicipta sebagai dunia gantian kepada dunia realiti. Ia turut memanfaatkan unsur-unsur luar biasa, ajaib dan gharib yang mampu meninggalkan kesan kagum dan hairan. Hal ini diperjelas V.I Braginsky (1994) sebagaimana dalam pernyataannya, iaitu "Unsur fantasi yang dibina oleh sesuatu yang luar biasa, ajaib dan gharib dijadikan sandaran utama dalam cerita lipur lara memandangkan unsur-unsur keajaiban, keluarbiasaan dan keghariban ini ialah dasar pada keindahan" (hlm. 2). Dalam dunia sekunder ini, segala peristiwa, benda, aksi dan watak yang berkontradiksi dengan dunia sebenar diletakkan di bawah hukum kewajaran. Oleh sebab naratifnya dilatari oleh pelbagai perkara yang boleh dikatakan berbeza dengan hukum logik, maka pengarang turut mencipta dimensi dunia utopia (keadaan yang ideal dan terlalu sempurna). Menerusi dunia ini, segala perkara, benda dan kebarangkalian lain dapat diperakukan sebagai sah dan benar, misalnya kewujudan burung murai yang bijak, jin bermata merah dan manusia berupa ular.

Mengenai latar tempat pula, pengarang sememangnya menggunakan nama tempat yang wujud secara sah dari sudut sejarah atau geografi, misalnya negeri Minangkabau, Bukit

Saguntang dan negeri Portugal. Fadzilah Amzah (2016) menjelaskan mengenai penggunaan latar ini, iaitu “Walau dari mana pun latar itu diambil, ia sebenarnya tidak merujuk sesuatu tempat secara khusus” (hlm. 59). Maka dapatlah dianggap bahawa pengarang hanya menggunakan nama-nama tempat ini secara kebetulan sahaja. Kesemua tempat yang dinyatakan dalam teks ialah dunia antah berantah yang tidak wujud sebenarnya. Hal ini kerana cerita sering berlatarbelakangkan negeri khayalan yang diwujudkan melalui imaginasi pengarang sendiri, contohnya ialah negeri Semawar termasuklah Semawar Kanan, Semawar Kiri dan Semawar Tengah, Pulau Rencong Mengkuang, Pulau Sembilan dan lain-lain. Selain itu, menurut Hamsiah Abdul Hamid (1964: ix), cerita ini juga dikatakan “berlatar belakang dalam lengkungan Kepulauan Melayu” sahaja, berdasarkan kesan yang terasa setelah mendengar atau membaca cerita ini. Walaupun BPP dan beberapa orang saudara-maranya ada berperang di negeri Portugal dengan Raja Bedurai (Viceroy), akan tetapi negeri ini dikisahkan seolah-olah berada dalam Kepulauan Melayu juga, iaitu sejauh mana yang dapat diketahui dan difahami oleh penglipur lara yang memang sederhana sekali pemikiran mahupun pengalamannya. Justeru, dalam dunia ilusi ini, apa-apa sahaja dibenarkan berlaku tanpa perlu terikat dan patuh kepada hukum logik alam dan logik akal. Noriah Taslim (1993:61) menjelaskan mengenai kewajaran hukum dan logik dalam dunia sekunder sebagai:

... penglipur lara perlu meletakkan naratifnya secara keseluruhan dalam satu latar sekunder dunia fantasi, kerana hanya dalam dimensi latar yang beginilah segala-gala yang mustahil mengikut ukuran kemunasabahan dunia primer, menjadi mungkin.

Lazimnya dalam teks lipur lara, pemerian mengenai latar turut digambarkan secara melampau dan fantastik, antaranya mengenai kecantikan istana dan negara kota, hiasan taman bunga dan sebagainya. Sesebuah negeri atau negara kota biasanya diperincikan secara berlebih-lebihan bagi menggambarkan

kemakmuran, keamanan dan kekayaan negeri atau negara kota tersebut. Keadaan ini sengaja dipaparkan pengarang bagi menunjukkan bahawa secara simboliknya, gambaran tersebut melambangkan kekuasaan dan kedaulatan seorang raja atau pemerintah. Dalam konteks *SBPPSG*, pemerian ini digambarkan secara sederhana, namun masih lagi dilatari dengan unsur-unsur fantasi tersebut. Oleh yang demikian, gambaran sebuah negeri atau negara kota yang digambarkan secara berlebih-lebihan dalam teks *SBPPSG*, salah satunya diperlihatkan melalui peristiwa pembukaan negeri Semawar.

Baginda memandang merata-rata
Tanahnya sama bagai dipeta
Kayunya jarang sama sekata
Dapatlah sudah bagai dicita
Berapa lama baginda menentang
Sama seperti tikar terbentang
Sebuah bukit tiada melintang
Hanya yang ada di Bukit Saguntang
Malim Sulaiman lalu berper
Kepada adinda muda bestari
Di sinilah kita membuat negeri
Tempat begini payah dicari
Selingkar Alam menjawab madah
Perkataan kekanda benarlah sudah
Tempat begini dicari susah
Tiada berbukit tiada berlembah

(*SBPPSG*, Rangkap 94-97:10)

Sebuku lagi dilambungkannya
Semawar tengah negeri namanya
Jadilah sudah tiga buah negerinya
Kota istana lengkap sekaliannya

Cukuplah dengan hulubalang menteri
Banyaknya seperti zaman yang bahri
Kerbau kambing biri-biri
Ayam dan itik terlari-lari

(*SBPPSG*, Rangkap 103-104:11)

Menerusi teks *CBPP* (1964:3) pula, pembukaan negeri ini dinyatakan pengarang seperti dalam petikan berikut:

“... Dan ini-lah tanah tiga kepal; di-mana2 anakanda hendak membuat negeri, asapkan dengan kemenyan puteh ini. Chari-lah, anakanda, di-mana yang elok.

Tanah yang sama macham di-bentang
Kayu-nya sama macham di-ator”

... Maka dilambongkannya kepal tanah itu sa-belah ka-kiri, sa-belah ka-kanan, dan ditengah2. Dengan sa-ketika gegak gempita-lah tentera, hulubalang, kota, istana sakalian. Nama negeri ini ialah Semawar Kiri, Semawar Kanan dan Semawar Tengah.

Contoh lain penggunaan latar yang sering dieksploitasi bagi meninggalkan kesan keluarbiasaan itu ialah sewaktu Maharaja Bintang hendak menyerang negeri Semawar Tengah agar dapat memenuhi kehendaknya untuk memperisteri PSG. Dalam peristiwa serangan ini, pemilihan dan pemerian latarnya sememangnya berunsurkan dongeng, khayalan dan fantasi yang tidak dapat diterima akal. Akan tetapi, didapati bahawa unsur-unsur sebegini tidak dipaparkan pengarang dalam teks *CBPP* melalui peristiwa serangan ini, malahan isi kandungan peristiwa ini juga sedikit berbeza dengan teks *SBPPSG*. Dalam teks *CBPP*, pengarang menyebutkan bahawa Maharaja Bintang turun ke dunia dan terus ke negeri Semawar untuk membuat ‘khemah’, tanpa adanya sebarang pemerian yang indah-indah mengenainya, sedangkan

dalam teks *SBPPSG* pula, pengarang menggantikan 'khemah' kepada 'kota yang indah cemerlang'. Dengan yang demikian, gambaran mengenai sebuah kota yang dicita oleh Maharaja Bintang dalam teks *SBPPSG* dapat dilihat menerusi rangkap syair berikut:

Sampai di situ tengahnya malam
Mencita sakti raja terbilang
Sebuah kota indah cemerlang
Tanglung dan pandil cahaya menderang

(*SBPPSG*, Rangkap 4328:418)

Daulat tuanku mahkota alam
Ramainya orang di tengah padang
Sebuah kota amat cemerlang
Entah dari mana mulanya datang

(*SBPPSG*, Rangkap 4330: 418)

Pemerian latar sebegini menjelaskan bahawa hasil dari pembacaan mahupun pendengaran cerita, sama ada melalui teks *SBPPSG* mahupun teks *CBPP* akan menghasilkan kesan fantasi sehingga dapat menakluki imaginasi khalayak mengenai ciri-ciri kehebatan sebuah negeri serta berada dalam keadaan asyik dan takjub semasa membayangkan negeri tersebut. Sama ada logik atau tidak logik, hal itu tidak penting. Tetapi apa yang lebih diutamakan ialah sejauh mana gambaran fantasi itu dipaparkan pengarang dengan penuh ajaib, luarbiasa dan pelik, kerana sifat itulah merupakan dasar keindahan yang dikemukakan V.I Braginsky.

Kekayaan raja

Di samping itu, keadaan yang berlebih-lebihan dan melimpah ruah turut menggambarkan kekayaan seseorang raja yang memerintah. Deskripsi yang berlebih-lebihan ini turut dikaitkan dengan 'keanekaragaman' keindahan yang berkait rapat dengan 'kegharibannya'. V.I Braginsky (1994) menjelaskan bahawa

“...‘keanekaragaman’ tersebut menyatakan diri secara menyeluruh dengan penuh dan lengkap. Oleh itu ‘keanekaragaman’ tampil sebagai sinonim ‘kesempurnaan’ ” (hlm. 27). Dengan yang demikian, elemen kekayaan raja ini dilihat sebagai suatu ‘kesempurnaan’ yang turut memperlihatkan keindahan dalam teks. Kekayaan raja ini penting untuk dipaparkan pengarang kerana menurut Fadzilah Amzah (2016, hlm. 28), kekayaan raja “...dapat memberikan maklumat tambahan tentang kekuasaan dan keharmonian pemerintahannya”. Gambaran mengenai kekayaan raja ditunjukkan daripada istana yang tersergam indah, persalinan pakaian yang serba lengkap dipenuhi hiasan, bilangan hamba sahaya yang tidak terperi banyaknya, limpahan harta pusaka dan binatang ternakan serta pesta keramaian yang diadakan berhari-hari atau berbulan-bulan lamanya. Pesta atau temasya yang diadakan pula biasanya mengorbankan berates-ratus ekor lembu kambing, ayam dan itik, dihidangkan pelbagai jenis juadah, dan menjemput ribuan rakyat jelata yang miskin dan lain-lain. Lazimnya, pesta-pesta yang dilangsungkan adalah bagi meraikan kelahiran cahaya mata, istiadat pertabalan raja, istiadat perkabungan ataupun majlis perkahwinan. Gambaran tentang dongeng kekayaan dan kemeriahan majlis perkahwinan BPP dengan PSG dalam teks *SBPPSG* ditunjukkan seperti dalam rangkap-rangkap di bawah:

Awang Selamat muda terpilih
Orang Minangkabau dipanggil habis
Hina mulia tidak dipilih
Sekaliannya itu dipanggil habis
Menteri Minangkabau datang belaka
Membawa persembahan berbagai aneka
Kerbau lembu ada belaka
Setengahnya itu intan mastika
Ramainya berhimpun orang sekalian
Kerja bermain beramai-ramaian
Masing-masing itu mengeluarkan kepandaian
Gong dan gendang tari-tarian

Besar pekerjaan muda bestari
Menyembelih kerbau berpuluh sehari
Belanja makanan isi negeri
Membuat pekerjaan berbagai peri
Sepuluh orang menteri jadi kepada
Membuat balai sabak segala
Mengatur pekerjaan bermacam pula
Supaya jangan jadi gendala
Empat puluh hari hampir sekarang
Ramailah berhimpun sekaliannya orang
Riuh rendah bukan sebarang
Segala permainan tiadalah kurang
Ramainya datang segala mereka
Rupanya itu bermacam aneka
Buta dan pekung ada belaka
Semuanya dipanggil raja paduka

(*SBPPSG*, Rangkap 1638-1645:158)

Sepuluh hulubalang jadi kepala
Membuat makanan bermacam pula
Panganan dodol wajik halwa
Semuanya sudah siap segala

(*SBPPSG*, Rangkap 1658:160)

Terlebih lagi riuhnya pulak
Orang berebut emas dan perak
Berempuh-rempuh bertolak-tolak
Banyak menangis mana yang budak
Apabila sudah menabur derma
Pengantin dibawa naik ke istana
Maharaja Tengah hadir menantinya
Kerana ia jadi walinya

(*SBPPSG*, Rangkap 1678-1679:162)

Apabila hari sudahlah subuh
Nasi dan gulai pula dibubuh
Setengahnya makan tidak bertanggung
Di sana sini sangatlah riuh
Raja Temenggong sultan bestari
Mengatur orang di balai seri
Balainya panjang tiada terperi
Tempat menjamu seisi negeri

(*SBPPSG*, Rangkap 1660-1661:160)

Situasi sama seperti dalam rangkap di atas menerusi teks *CBPP* (1964:40) pula diperlihatkan seperti berikut:

Raja Temenggong pun bertitah menyuruh Menteri hulubalang-nya menyiapkan negeri. Perdana Menteri pun pergi-lah memalu gong yang besar. Apabila di-dengar oleh seluruh negeri itu, maka dengan sa-ketika berhimpun-lah orang:

Yang buta berpimpin,
Yang patah bertongkat,

semua-nya datang menyembah, “Daulat tuanku, apa-kah yang tuaku susahkan pada masa ini?” Maka bertitah baginda, dia hendak mengahwinkan Pinang Peribut dengan Puteri Susu Ganda.

Mereka pun bekerja-lah membuat sabak, membuat balai. Datang-lah sekalian-nya; ada yang membawa persembahan kerbau, lembu, dan kambing biri2.

Di-Semawar Kanan pun bekerja-lah juga orang2 di-sabelah pehak Puteri Susu Ganda. Berbagai-lah permainan-nya, menari, berjoget, sabong-menyabong, empat puluh hari empat puluh malam lama-nya.

Jelas bahawa gambaran streotaip mengenai kekayaan raja yang disampaikan pengarang melalui penggunaan metafora dalam bahasa bersukat dan berentak cenderung ditonjolkannya menerusi teks *SBPPSG*. Sebagai sebuah teks lipur lara, *SBPPSG* dan *CBPP* turut mengetepikan isi kemunasabahan jumlah binatang ternakan yang dikorbankan, bilangan hari sesuatu upacara atau kenduri yang diadakan berhari-hari lamanya, hamba sahaya yang tidak terkira jumlahnya dan lain-lain hal hal yang dirasakan tidak munasabah. Pengarang mahupun penglipur lara sengaja mengada-adakan hal-hal yang dianggap tidak logik itu untuk menjadikan khalayak berasa takjub dan terpesona. Pemerian secara berlebihan mengenai kekayaan raja dalam syair ini dapatlah dianggap bahawa teks tersebut lebih menonjolkan kesan-kesan keindahan berbanding teks cerita kerana ia selari dengan dasar keindahan V.I Braginsky, iaitu mampu membuatkan khalayak tercengang-cengang atau membangkitkan rasa berahi dan hairan.

Motif manusia kayangan

Unsur fantasi turut ditemui melalui motif manusia kayangan yang sering hadir dalam hampir semua cerita lipur lara. Dalam kedua-dua buah teks ini, watak manusia kayangan dihadirkan pengarang menerusi watak sampingan, iaitu Raja Amdan Syahperi (*SBPPSG*) yang turun ke bumi setelah memperoleh mimpi 'bulan jatuh ke riba'.

Ada kepada suatunya malam
Baginda beradu di atas tilam
Pilu dan rawan hati di dalam
Lalu bermimpi muda puhalam

(*SBPPSG*, Rangkap 220:22)

Daulat tuanku raja yang mulia
Jikalau tuanku turun ke dunia

Dapatlah isteri terlalu bahagia
Anak raja yang sangat mulia

Itulah takbir patik yang dapat
Tiadalah lain di dalam firasat
Jika ke dunia tuanku berangkat
Takbir mimpi akan didapat

Telah baginda mendengarkan madah
Takbir mimpinya memberi faedah
Di hati baginda bertambah gundah
Tempatnya jauh bukannya mudah

(*SBPPSG*, Rangkap 226-228:22-23)

Beta pergi tiadalah lama
Sehabis lambatnnya tiga belas purnama
Jika tiada apa2 aralnya
Adalah beta kembali bersama

(*SBPPSG*, Rangkap 231;23)

Telah sudah baginda berperni
Baginda pun segera berkemas diri
Berjalanlah baginda seorang diri
Terbang melayang seperti nuri

(*SBPPSG*, Rangkap 233;23)

Amdan Syahperi lalu berkata
Dari kayangan datangnnya nyata
Dicuba berjalan merata2
Menurutkan janji Tuhan semata

(*SBPPSG*, Rangkap 237:23)

Satu fragmen daripada teks *CBPP* di bawah pula memperjelas bagaimana pengarang menggunakan bahasa dengan memasukkan unsur-unsur fantasi dan khayalan bagi menimbulkan suatu kesan hairan ataupun rasa terpicik khalayak terhadap penceritaan tersebut.

Sa-telah besar-lah Pinang Peribut, pada masa umur-nya enam tahun, maka pada suatu hari datang-lah sa-orang pemuda di-tepi kota negeri itu. Bertanya penunggu kota, "Siapa kamu?" Jawab orang muda itu, "Kami datang dari kayangan hendak mengadap Raja negeri ini".

Maka pergi-lah penunggu kota itu mengkhabarkan kepada Baginda Malim Sulaiman, "Ada sa-orang muda hendak mengadap tuanku". Kata baginda, "Bawa dia masok". Maka masok-lah orang muda itu mengadap baginda.

Kata Malim Sulaiman, "Engkau datang dari mana?"

"Datang dari kayangan".

"Apa hajat ka-mari?" tanya baginda.

"Hendak menjadi hamba tuanku sahaja".

Nama pemuda itu Hamdan Sapri; lalu di-kahwinkan baginda dengan Puteri Terus Mata.

(*CBPP*, 1994:5)

Menurut Fadzilah Amzah (2016, hlm. 67), "Jika bersandarkan hukum sebab akibat dan logik saintifik, manusia kayangan ini adalah sesuatu yang tidak diperakui sebagai benar... Sebaliknya, dalam dunia lipur lara, kehadiran manusia luar biasa ini dianggap patut dan wajar". Hal ini kerana, watak-watak yang dilukiskan pengarang selaras dengan sifat lipur lara itu sendiri yang dibina berasaskan elemen-elemen fantasi dan khayalan. Justeru, keindahan teks menerusi motif manusia kayangan ini dapat diperhati apabila kehadiran watak-watak sebegini mampu menggerakkan minda dan memanjangkan imaginasi khalayak untuk membayangkan rupa, pakaian, tingkah laku, cara hidup dan cara

mereka melayang dari kayangan ke bumi. Penggunaan motif manusia kayangan ini merupakan salah satu cara menimbulkan rasa takjub, gharib dan hairan khalayak agar hati yang mendengar menjadi asyik, berahi dan terpikat. Hal ini selaras dengan hakikat keindahan menurut V.I Braginsky yang dikaitkan dengan psikologi persepsi keindahan, iaitu “Persepsi keindahan dengan ‘pancaindera zahir’ menimbulkan rasa terpikat, semacam berahi dalam jiwa orang yang merenunginya” (hlm. 29).

Melihat kepada episod yang sama dalam kedua-dua teks, sememangnya kesan keindahan itu cenderung dinikmati melalui teks *SBPPSG*. Khalayak sebagai pembaca atau pendengar cerita lipur lara ini menginginkan suatu peleraian yang dapat melegakan perasaan mereka dengan membayangkan sesuatu yang indah secara berlebih-lebihan. Oleh yang demikian, teks *SBPPSG* melalui episod ini dilihat lebih menonjolkan keindahan tersebut kerana pengarang mengisahkan Amdan Syahperi sebagai seorang putera raja berbeza dengan teks *CBPP* (dinamakan Hamdan Sapri) yang hanya disebutkannya sebagai pemuda biasa. Hal ini membolehkan khayalak memberi gambaran berlebihan terhadap anak raja tersebut, khususnya tentang rupa yang ‘elok’, keelokan budi pekerti, kepelbagaian perhiasan pada pakaian, cara melayang ke bumi dan lain-lain hal yang indah-indah. Imajinasi sebegini tidak dapat digambarkan khalayak dalam teks *CBPP* kerana watak tersebut hanyalah sebagai pemuda biasa yang diketahui amat sederhana cara hidup, tingkah laku dan pemikiran mereka.

Perbandingan Kesan Keindahan Menerusi Unsur Fantasi

Aspek keindahan melalui unsur fantasi yang terdapat dalam kedua-dua teks, iaitu teks *SBPPSG* dan *CBPP* yang dianalisis secara perbandingan adalah bertujuan untuk mengenalpasti teks manakah yang lebih memberikan kesan keindahan kepada khalayak dan juga pengarang itu sendiri. Menerusi unsur fantasi, teks *SBPPSG* dikatakan lebih memberikan kesan keindahan kepada khalayak kerana pengarang memerikan secara terperinci tentang sesuatu perkara. Pengarang begitu teliti dalam menggunakan pelbagai

perkataan atau frasa yang dapat menggambarkan aspek keindahan yang dinyatakan. Tetapi, dalam teks *CBPP*, penggunaan perkataan yang memerikan keindahan tersebut dilihat amat terbatas. Ada juga perkara-perkara yang dipaparkan dengan begitu terperinci dalam teks *SBPPSG*, tetapi tidak pula hadir dalam teks *CBPP*. Justeru, kesan keindahan menerusi unsur fantasi itu bukan sekadar dipaparkan menerusi keelokan rupa paras watak dan keindahan pakaian, malah ia turut dirasai apabila mampu memberi kesan 'hairan' atau 'tercengang-cengang' kepada watak lain yang memandang 'keindahan' tersebut, hingga menyebabkan mereka jatuh berahi, mabuk atau pengsan. Dalam erti kata lain, keindahan itu juga dapat memberikan kesan katarsis kepada orang yang melihat keindahan.

Keindahan juga dapat dinikmati khalayak melalui pemerian latar dunia sekunder yang berkontradiksi dengan dunia sebenar, iaitu ia digambarkan dalam keadaan yang ideal dan terlalu sempurna. Peristiwa-peristiwa berhubung kait dengan latar dunia sekunder ini sememangnya dinyatakan pengarang secara berlebihan dalam teks *SBPPSG*, sedangkan pengarang menerusi teks *CBPP* pula, amat sederhana sekali pemerian mengenai sifat latar dunia sekunder ini, malah ada juga peristiwa yang diabaikan pengarang. Dengan adanya pemerian berlebihan dalam teks *SBPPSG*, maka teks tersebut dapat dikatakan sebagai sebuah karya yang indah kerana mampu menghasilkan kesan fantasi dan membolehkan khayalak memanjangkan imaginasi mereka. Gambaran kekayaan raja atau negara dan kemeriahan sesebuah majlis juga merupakan salah satu unsur keindahan yang dikaitkan dengan 'kesempurnaan', lantas membuatkan khalayak tercengang-cengang, membangkitkan rasa terpicat atau terpegun untuk terus mendengar cerita, di samping rasa berahi, hairan, kagum dan takjub. Perasaan sebegini penting kerana ia mampu melekakan, melalaikan dan mengkhayalkan mereka. Apabila sesebuah cerita dapat memukau khalayak, maka ia dikatakan berupaya meninggalkan kesan psikoterapi (penyembuhan) yang mampu merawat jiwa. Hal ini disebutkan V.I Braginsky (1994: 38), iaitu:

...konsep Melayu tentang tugas kesusasteraan sebagai penghibur (alat perawat) hati yang duka atau berahi

menitikberatkan hanya sifat *psychotherapeutic* dan sebahagian etika. Konsep tersebut bersangkut paut sekadar dengan peringkat jiwa (hati, *nafs*), lebih tepat dengan peringkat yang disebut (*nafs haiwani*)...

Seterusnya, unsur fantasi ini juga dilihat berdasarkan pemaparan motif manusia kayangan, yang merupakan suatu perkara yang tidak diperakui sebagai benar, tetapi ia dianggap wajar dalam dunia lipur lara. Jika dibandingkan motif ini dalam kedua-dua teks, maka kesan keindahan itu lebih cenderung dinikmati khalayak dalam teks *SBPPSG* kerana khalayak sudah pasti akan memanjangkan imaginasi mereka mengenai anak-anak raja yang 'elok' paras rupa dan budi pekerti, 'indah' pakaian dan perhiasannya, dengan ciri-ciri keunggulan dan kehebatannya yang pastinya tidak terdapat pada pemuda biasa. Motif atau tema kecil ini juga dilihat berupaya mempengaruhi *mood* dan emosi khalayak. Motif yang bersifat fantastik ini dapat meninggalkan kesan hairan, kagum dan gharib, sekaligus menjelaskan bahawa sesebuah cerita itu dapat dikatakan sebagai teks yang indah. Hal ini diperkukuh melalui pernyataan Fadilah Amzah (2016:63), iaitu "...apabila sesuatu benda itu luar biasa, pelik dan ajaib sehingga menimbulkan rasa kagum, hairan dan terpegun, maka semestinyalah karangan itu indah sifatnya". Oleh yang demikian, analisis unsur fantasi ini menjelaskan bahawa kesan keindahan itu akan lebih dinikmati khalayak melalui teks *SBPPSG* berbanding teks *CBPP*.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap teks *SBPPSG* dan *CBPP* dalam membicarakan aspek keindahan melalui unsur fantasi, maka jelaslah bahawa kajian ini memenuhi objektif yang ditetapkan. Penerapan Sfera Keindahan V.I Braginsky dalam menganalisis aspek keindahan dalam kedua-dua teks menjelaskan bahawa teks *SBPPSG* lebih mendatangkan kesan keindahan kepada khalayak. Kesan keindahan tersebut diperoleh melalui perbandingan pemaparan unsur fantasi yang dilihat dari segi

pelbagai perkara seperti keelokan rupa paras dan pakaian, kekayaan sesebuah negeri, latar dunia sekunder, kekayaan raja dan motif manusia kayangan. Dengan ini, teks *SBPPSG* dilihat lebih sarat unsur fantasinya berbanding teks *CBPP*. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa melalui unsur ini, khalayak akan lebih terkesan dengan pemaparan aspek keindahannya sehingga dapat melarutkan perasaan dan emosi serta memanjangkan imajinasi bagi melegakan perasaan, sebagaimana yang disebutkan Noriah Taslim (1993:151), keindahan itu berupaya “menyeronokkan deria, menghilangkan duka lara, kebimbangan dan kekecewaan...”.

Bersandarkan kepada dasar-dasar keindahan yang dikemukakan V.I Braginsky, maka teks *SBPPSG* ternyata lebih memberikan kesan keindahan kepada khalayak kerana deskripsi keindahan melalui setiap elemen yang dipaparkan berupaya memenuhi fungsi umum genre lipur lara ini, iaitu sebagai alat melipur lara. Walaubagaimanapun, keindahan perlu diimbangi dengan baik seperti yang dijelaskan Roslina Abu Bakar (2016), iaitu “Keindahan mampu menghiburkan, namun perasaan perlu diimbangi dengan bijak ketika menghayati keindahan agar tidak memudaratkan diri” (34). Secara keseluruhannya, kesemua elemen yang dipaparkan melalui unsur fantasi bagi memperlihatkan ciri-ciri keindahan dan kesan keindahan ini berupaya memenuhi dasar keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky, iaitu keindahan itu memanfaatkan unsur-unsur ‘luar biasa’, ‘ajaib’ dan ‘gharib’; keindahan berhubung kait dengan ‘keanekecaragaman’ sebagai ‘kesempurnaan’; dan keindahan dapat menimbulkan rasa terpikat, semacam berahi dalam jiwa orang yang merenungnya.

RUJUKAN

Efrizal. A. S. (2012). *Kajian estetika dalam cerita rakyat Melayu Kuantan Riau Indonesia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Fadzilah Amzah. (1999). *Lipur lara: Satu analisis genre dari aspek keindahan*. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Fadzilah Amzah. (2016). *Sfera keindahan dalam cerita penglipur lara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamsiah Abdul Hamid. (1964). *Cherita Bongsu Pinang Peribut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1986). *Sastera rakyat: Suatu warisan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Moh. Taufiqul Hakim. (2014). *Eстетika di dalam Hikayat Malim Deman*. *Jumantara*, 5(2), 67-84.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pengantar estetika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan kritikan sastera Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaya Md. Ali. (2013, Disember). *Dunia fantasi dalam Mimpi Laila*. Dimuat turun daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Sastera/20131222/sa_04/Dunia-fantasi-dalam-Mimpi-Laila
- Roslina Abu Bakar. (2014). *Interaksi sosial dalam penyampaian cerita rakyat Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- V. I. Braginsky. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudibyo. (1994). *Mitos hirogami langit dan bumi di dalam cerita lipur lara*. *Humaniora*, 2, 58-62.